

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 13 RABU 29 MACH, 1967.

1386 رابو 17 ذوالحججه

PERCHUMA

D.Y.M.M. TERTAREK HATI MELIHAT PERKEMBANGAN UGAMA DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah melawat projek pembangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei di-Batu 1, Jalan Tutong pada pagi hari Isnin 27 Mach, 1967. Projek itu ada-lah memakan belanja kira2 10 juta ringgit.

Bangunan2 yang Baginda lawati itu ia-lah Sekolah Arab Menengah Laki2 Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, kawasan chadangan pembinaan Maktab Perguruan Ugama dan rumah pangsa Guru2 dan Pegawai2 Ugama.

Dalam lawatan itu Baginda telah di-iringi oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin; Pesuruhjaya Kemajuan Negara Awang J. L. Firth; Pegawai Perancangan Bandaran, Awang A. R. Head; Arkitek2 dan pemborong2 yang berkenaan.

Batu Asas bagi Sekolah Arab Menengah Laki2 Hassanal Bolkiah telah di-letakkan oleh Baginda pada 24 September, 1964.

Dalam lawatan itu, Baginda sangat2 tertarek hati melihat pada perkembangan2 Ugama dan ranchangan pembangunan-nya yang telah mencapai kemajuan yang menggalakkan.

Baginda juga telah menyaksikan murid2 Sekolah Menengah Arab yang telah pun mula belajar di-sekolah tersebut sejak beberapa hari yang lalu.

Menyebut mengenai murid2 tersebut, Baginda amat merasa sukacita melihat pada kecekapan mereka dalam mengikuti pelajaran2 Ugama Islam, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Pembukaan rasmi bagi sekolah tersebut di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan September hadapan, sementara Sekolah Menengah Ugama Perempuan di-jangka siap pembinaannya pada bulan Julai tahun ini dan Batu Asas bagi Maktab Perguruan Ugama akan di-letakkan pada awal tahun 1968.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

SETIA USAHA KERAJAAN MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN MADRASAH

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pgn. Haji Abdul Rahim telah berseru kepada ra'ayat negeri ini seluruh-nya, terutama ra'ayat yang beragama Islam supaya akan bersama2 mendo-kong sa-barang ranchangan2 kemajuan negara, sama ada dalam ranchangan2 kemajuan Ugama Islam, mahu pun dalam ranchangan2 Kerajaan yang lain2-nya.

Beliau telah memberikan ucapan tersebut sa-belum beliau merasmikan Pembukaan Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei ke-lamarin pagi.

Di-antara para hadhirin di-majlis tersebut ia-lah Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awg. F. D.

Webber; Yang Berhormat Penulong2 Menteri; Ahli2 Majlis2 Mashuarat; Ketua2 Pejabat dan jemputan2 khas.

Dalam ucapan di-upacara itu, di-samping memberi tahniah atas kemajuan yang di-chapai oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf mensifatkan kemajuan itu sa-bagai satu lagi kemajuan perkembangan negara yang telah dapat di-chapai dengan baik dan sempurna.

Ini, tegas beliau, ada-lah menjadi satu bukti bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat dan berusaha untuk memberikan kemudahan2 kepada ra'ayat dan ka-arrah kemajuan dan perkembangan negara.

Beliau yakin bahawa kejayaan yang di-chapai itu ada-lah (Lihat muka 8)



Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas kelihatan dalam gambar ini sedang memberi ucapan sa-belum di-langsungkan Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei tahun 1967 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 25 Mach, 1967.

Keputusan penoh Pertandingan Bintang Radio itu ada-lah di-siarkan di-muka 2.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1967

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Ke-johanan Seluruh Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 25 Mach, 1967 dengan memperolehi sambutan yang baik dari orang ramai.

Sa-belum pertandingan itu di-mulai, Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awg. G. V. de Freitas telah melafadkan satu ucapan dalam mana beliau berkata bahawa tidak berapa lama lagi kita akan mempunyai sa-buah Dewan baru, di-mana Pertandingan Bintang Radio akan di-adakan nanti.

Dewan tersebut, tegas beliau, pada masa ini dalam proses persiapan di-bangunan baru Radio Brunei yang akan dibuka lewat tahun ini.

“Sudah tentu Pertandingan Bintang Radio sa-lepas ini akan di-adakan dalam Dewan tersebut dan saya berharap akan berada di-sana”, kata beliau.

Awang Freitas juga telah mengucapkan tahniah kepada pemenang2 Pertandingan2 Bintang Radio sa-tiap tahun sambil berkata beliau mendapati darjah kebolehan para penyanyi itu sa-makin bertambah baik.

Sa-lain dari itu, Awg. Freitas juga telah mengucapkan terima kaseh kepada para hakim, Pengurus2 pertandingan itu, semua peserta dan juga atas kehadiran para penonton sekalian di-temasha tersebut.

Yang Mulia Datin Hajjah Salmah, isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pe-

ngiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

M. S. Bakri dari Daerah Brunei telah berjaya memperolehi OSKAR yang di-hadiahkan untuk penyanyi Bahagian Lelaki yang terbaik sekali dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei pada tahun ini.

OSKAR untuk penyanyi Wanita yang terbaik sekali dalam pertandingan itu telah dimenangi oleh Thaibah Haji Abdul Rahim dari Daerah Temburong.

Keputusan lengkap pertandingan tersebut ada-lah seperti berikut:—

Bahagian Penyanyi2 Lelaki Yang Terbaik Sekali: Johan —

M. S. Bakri dari Daerah Brunei. *Naib Johan —* Ak. Emran Pgn. Manai dari Daerah Brunei. *Ketiga —* Shamsudin Idris dari Daerah Tutong.

Bahagian Penyanyi2 Wanita Yang Terbaik Sekali: Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim dari Daerah Temburong. *Naib Johan —* Dk. Safiah Pengiran Suhaili dari Daerah Brunei. *Ketiga —* Dk. Aminah Pgn. Md. Said dari Daerah Belait.

ASLI LELAKI: Johan — Ak. Emran Pgn. Manai (Daerah Brunei). *Naib Johan —* M. S. Bakri (Daerah Brunei). *Ketiga —* Huzaini Haji Tuah (Daerah Brunei).

LANGGAM LELAKI: Johan — Shamsudin Idris (Daerah Tutong). *Naib Johan —* M. S.

Bakri (Daerah Brunei). *Ketiga* Huzaini Haji Tuah (Daerah Brunei).

ASLI WANITA: Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong). *Naib Johan —* Norsiah Abd. Hamid (Daerah Brunei). *Ketiga —* Rokayah Idris (Daerah Tutong).

LANGGAM WANITA: Johan — Thaibah Haji Abdul Rahim (Daerah Temburong). *Naib Johan —* Dayangku Aminah Pgn. Md. Said (Daerah Belait). *Ketiga —* Dk. Safiah Pengiran Suhaili (Daerah Brunei).

Pertandingan tersebut telah di-hakimkan oleh Dr. Pangkat Harahap, Awg. Ghani Hashim, Dy. Sarbanun Marikan dan Awg. Hussin Abdul Razak.



Dayang Thaibah Haji Abdul Rahim dari Daerah Temburong kelihatan sedang memperdengarkan suara-nya yang lemak merdu dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Seluruh Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 25 Mach, 1967. Dalam gambar ini kelihatan Pencharagam Enam Sekawan yang mengiringi pertandingan Bintang Radio tersebut.



GAMBAR KIRI — Yang Mulia Datin Hajjah Salmah, isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Setia Usaha Kerajaan Brunei kelihatan sedang menyampaikan OSKAR untuk Penyanyi Lelaki yang terbaik sekali dalam Pertandingan Bintang Radio Tahun 1967 kepada M. S. Bakri dari Daerah Brunei.



GAMBAR KANAN — Pemenang OSKAR untuk Penyanyi Wanita yang terbaik sekali dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1967, Dayang Thaibah Haji Abdul Rahim dari Daerah Temburong kelihatan dalam gambar ini sedang menerima hadiah OSKAR itu dari Yang Mulia Datin Hajjah Salmah di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 25 Mach, 1967.

Y.B. Pengiran Dato S.P. Haji Mohamad Yusof Menyeru Penduduk2 di-Temburong Sentiasa Bersafahaman dan Bersatu Padu



Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini ketika beliau sedang memberi ucapan di-Majlis Perjumpaan Muhibbah Semua Kaum di-Pekan Bangar, Temburong pada 22 Mach, 1967.

BANGAR.—Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan isteri beliau telah berangkat ka-Pekan Bangar, Temburong pada petang hari Rabu 22 Mach, 1967, untuk menghadiri satu Majlis Perjumpaan Muhibbah Semua Kaum.

Di-antara para hadhirin di-majlis itu ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari b. Abdul Razak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain

bin Haji Seruddin, Kadzi Daerah Temburong Abang Razali bin Hj. Zainuddin dan ramai Pegawai2 Kerajaan serta penduduk2 dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa Kerajaan telah melancarkan beberapa jenis rancangan2 ka-arrah pembangunan negara, seperti pembekalan lampu elektrik, pmbinaan jalan2 raya dan sa-bagai-nya.

Kerajaan juga, tegas beliau, akan membina sa-buah pekan yang baru di-Daerah Temburong untuk menggantikan Pekan Bangar yang ada sekarang ini.

Pekan yang baru itu, apabila siap nanti, akan mempunyai rumah sakit dan lain2 bangunan yang akan memberi-

kan kemudahan2 kepada penduduk2 di-daerah itu.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof telah menyeru kepada penduduk2 dari segala bangsa di-Daerah Temburong supaya mereka sentiasa hidup bersafahaman dan bersatu padu, kerana bersafahaman dan bersatu padu itu ia-lah puncha utama dalam menuju ka-arrah keamanan.

Oleh kerana keamanan adalah pokok kemajuan, kata beliau lagi, maka nyata-lah bahawa kema'amoran, kebahagiaan dan nikmat itu akan dapat di-chipta jika seluroh ra'ayat mengamalkan sifat2 yang boleh mengekalkan keamanan bagi negeri ini.

Beliau berharap sa-moga dengan ada-nya keamanan itu, maka dapat-lah pihak Kerajaan menghalakan pandangan2-nya ka-arrah pembangunan negara.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, yang juga telah berucap di-majlis tersebut, telah mengucapkan terima kasih kepada Pegawai2 Kerajaan di-Daerah Temburong, khas-nya kepada Pegawai2 Ugama di-daerah itu yang telah berusaha menjayakan maksud Kerajaan menyatu padukan penduduk2 di-Daerah Temburong yang terdiri dari berbagai2 kaum.

Walau pun Ugama Islam menjadi Ugama Rasmi Negeri Brunei, kata beliau, akan tetapi Kerajaan tidak melarang sa-siapa juga untuk menganut dan mengamalkan lain2 ugama.

Beliau menambah kata bahawa di-negeri ini penyebaran Islam ada-lah lebih maju-nya dari usaha2 penyebaran lain2 ugama.



Gambar ini di-ambil sa-waktu di-adakan Bacaan Do'a Selamat di-Majlis Perjumpaan Muhibbah Semua Kaum di-Pekan Bangar, Temburong pada petang hari Rabu yang lalu.—Gambar BPUI.

Malam Sambutan Hari Raya Anjoran Persatuan PIKAP

KAMPONG PERAMU.—Persatuan Ikatan Kampong Peramu (PIKAP) Brunei akan mengadakan Malam Sambutan Hari Raya Aidil Adzha sa-lama dua malam berturut2, ia-itu pada 1 dan 2 April, 1967 mulai jam 7-30 malam.

Temasha sambutan tersebut akan di-langsungkan di-halaman rumah Setia Usaha Agong Persatuan PIKAP Brunei, Awg. Haji Md. Tarif bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad di-Kampung Peramu, Kampung Ayer, Brunei.

Di-antara achara2 yang akan di-langsungkan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan2 Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an; Bahath; Membacha Sajak dan

Nyanyian.

Tiap2 peraduan tersebut adalah terbuka kepada ahli2 Persatuan PIKAP.

Sa-lain dari itu akan juga diadakan Persembahan Nyanyian dan Drama Purbawara oleh bakat2 baru persatuan tersebut.

Ini-lah julong2 kali Persatuan PIKAP mengadakan sambutan sa-demikian sa-menjak pendaftaran Persatuan tersebut di-sahkan oleh Pendaftar Persatuan2 Sa-Negeri Brunei pada 11 Ogos, 1966.

Orang ramai ada-lah di-persilakan ka-temasha sambutan tersebut. Berita kiriman Awg. Abidin Mohd. Zain, Setia Usaha Penerangan, Persatuan PIKAP, Brunei.

Gunakan-lah
Bahasa Melayu

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Mach, 1967 hingga ka-hari Selasa 4 April, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Matahari							Matahari	
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
29 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
30 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
31 Mach	12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21	
1 April	12-29	3-44	6-35	7-45	4-46	5-03	6-18	
2 April	12-29	3-44	6-35	7-45	4-46	5-03	6-18	
3 April	12-29	3-44	6-35	7-45	4-46	5-03	6-18	
4 April	12-29	3-44	6-35	7-45	4-46	5-03	6-18	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini pada masa lawatan Baginda ka-Asrama, Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassan al-Bolkiah. Berjalan di-belakang Baginda ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pgn. Muda Dato Paduka Kemaluddin dan beberapa orang yang lain.



Ramai Pegawai2 Kerajaan dan lain2-nya telah menzi Mualana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pada masa lawatan Baginda k Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada pagi hari.

D.Y.M.M. Melawat Ranchangan Pen


DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah melawat Ranchangan Pembangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada pagi hari Isnin 27 Mach, 1967.

Bangunan2 yang Baginda lawati itu ia-lah Bangunan Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassan al-Bolkiah, termasuk Asrama-nya; Bangunan Sekolah Menengah Ugama Perempuan (Arab) Raja Isteri Pengiran

Anak Damit; Bangunan Maktab Perguruan Ugama dan Rumah2 Pangsa Pegawai2 dan Guru2 Ugama di-Batu Satu, Jalan Tutong, Brunei.

Turut hadir pada masa

lawatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-Ranchangan Pembangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada pagi hari tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Yang



Bangunan Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassan al-Bolkiah di-Batu 1, Jalan Tutong. Pembukaan rasmi Sekolah ini di-jangka akan di-langsungkan pada bulan September tahun ini.



Rumah2 Pangsa yang di-bena oleh Jabatan Hal Ehwal



h menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda pada masa lawatan Baginda ka-Ranchangan Pembangunan gi hari Isnin 27 Mach, 1967. Gambar ini di-ambil pada ginda ka-ranchangan tersebut.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini pada masa lawatan Baginda ka-sabua Bilek Darjah, Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassanal Bolkiah pada pagi hari Isnin 27 Mach, 1967. Dalam gambar ini kelihatan Baginda sedang menyaksikan murid2 sekolah tersebut yang sedang belajar dalam bilek darjah.

Pembangunan Jabatan Ugama Brunei

ha
tan
ba
wal
agi
ge-
wal
ang

Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; beberapa orang Pegawai2 Kerajaan; Akitek2 dan Pemborong2 yang berkenaan.

Gambar2 yang di-siarkan dalam akhbar *Pelita Brunei*

di-muka 4 dan 5 ini di-ambil pada masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin ka-Ranchangan Pembangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada


pagi hari Isnin 27 Mach, 1967.

Dalam gambar2 ini juga kelihatan Bangunan Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassanal Bolkiah serta Asrama-nya; Bangunan Sekolah Menengah


Ugama Perempuan (Arab) Raja Isteri Pengiran Anak Damit; Rumah Pangsa untuk Pegawai2 dan Guru2 Ugama serta lain2 bangunan yang di-bena oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.



Ehwal Ugama Brunei untuk Pegawai2 dan Guru2 Ugama.



Ini-lah satu pemandangan Bangunan Sekolah Menengah Ugama Perempuan (Arab) Raja Isteri Pgn. Anak Damit. Pembinaan Sekolah ini di-jangka siap pada bulan Julai tahun ini.



Dalam gambar ini kelihatan sa-buah Kolam Mandi yang hampir siap di-bena oleh Kerajaan Brunei. Kolam Mandi itu yang di-bena me-

nurut ukoran Kolam Mandi yang di-gunakan dalam Pertandingan Sokan Olympik Sa-Dunia, letak-nya di-Kampung Anggerek Desa, Be-

rakas, Brunei. Sa-buah Kolam Mandi yang kecil untuk kanak2 juga di-bena berhampiran dengan Kolam Mandi yang besar itu.

Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei

PERLAWANAN Sokan antara Sekolah2 Melayu Rendah Sa-Negeri Brunei, ada-lah satu daripada projek perlawanan tahunan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei Bahagian Pendidikan Jasmani. Tahun ini ada-lah perlawanan kali kelapan yang di-jalankan sa-rupa ini.

Chara Perlawanan: Murid2 di-bahagikan enam kumpulan ia-itu 4 kumpulan Laki2 dan 2 kumpulan Perempuan.

- (i) Kumpulan Laki2 "A" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1950, ka-bawah ia-itu berumur 17 tahun ka-atas.
- (ii) Kumpulan Laki2 "B" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1951 dan 1952; ia-itu berumur 16 dan 15 tahun.
- (iii) Kumpulan Laki2 "C" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1953 dan 1954; ia-itu berumur 14 tahun dan 13 tahun.
- (iv) Kumpulan Laki2 "D" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1955 ka-atas; ia-itu berumur 12 tahun ka-bawah.
- (v) Kumpulan Perempuan "A" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1952 ka-bawah, ia-itu berumur 15 tahun ka-atas.
- (vi) Kumpulan Perempuan "B" tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1953; ia-itu berumur 14 tahun ka-bawah.

Jenis Perlawanan yang di-

oleh:

Md. Husain Zainal

adakan: 1. Lari terus 100 metres; 2. Lari terus 200 metres; 3. Lari 400 metres; 4. Lari 800 metres; 5. Lari 1,500 metres; 6. Lari berganti2 100 metres x 4.

7. Lompat Pagar 110 metres; 8. Lompat Pagar 80 metres; 9. Lompat Jauh; 10. Lompat Kijang; 11. Lompat Bergalah; 12. Lompat tinggi; 13. Lontar Lembing; 14. Lempar Piring; 15. Buang Peluru.

Perlawanan yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:

PADA 26 MACH, 1967: Perlawanan antara Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Temburong, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

Temasha di-adakan dari pagi hingga petang. Sa-banyak 12 buah Sekolah yang menyertai perlawanan, ramai peserta: 141 orang peserta Laki2 dan 86 orang peserta Perempuan.

Temasha Sokan pada hari itu telah di-resmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abd. Razak, dan beliau juga menyampaikan hadiah2 rebutan kepada pasukan2 yang berjaya.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

- (i) Kumpulan Laki2 "A": Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Ba-

ngar, mendapat 40 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Amo, mendapat 27 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Piasau2, mendapat 6 mata.

- (ii) Kumpulan Laki2 "B":

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 36 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Biang, mendapat 14 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Belingos, mendapat 12 mata.

- (iii) Kumpulan Laki2 "C":

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 22 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Belais, mendapat 21 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Batu Apoi, mendapat 10 mata.

- (iv) Kumpulan Laki2 "D":

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 15 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Batu Apoi, mendapat 8 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Belingos, mendapat 7 mata.

- (iv) Kumpulan Perempuan

"A":

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 30 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Kinua, mendapat 17 mata.

(Lihat Muka 8)

SOKAN TAHUNAN MAKTAB S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI.—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan mengadakan temasha Sokan Tahunannya bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei pada jam 2-00 petang hari Juma'at 7 April, 1967.

Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Negeri Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber akan menyampaikan hadiah2 di-temasha sokan tersebut. Demikian menurut Setia Usaha temasha Sokan Maktab S.O.A.S., Che'gu Awang Baharum bin Ya'akub.

Dalam pertemuan tersebut, Che'gu Awang Baharum berkata bahawa temasha sokan itu akan di-mulai dengan upacara Perbarisan Keliling Padang oleh peserta2 yang akan mengambil bahagian dari empat buah "Rumah" ia-itu Rumah Bendahara, Rumah Pemancha, Rumah Kerma Indra, Rumah Maharaja Lela, dengan di-dahului oleh Kapten temasha sokan itu, Awang Ya'akub bin Sunny.

Pasokan Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei akan bermain di-upacara Pembukaan Rasmi temasha Sokan itu dan juga pada masa rehat.

Sa-lain daripada beberapa jenis perlawanan antara penuntut2 Maktab S.O.A.S., akan di-adakan juga perlawanan2 terbuka kepada orang ramai serta bekas penuntut2 Maktab tersebut.

Di-antara perlawanan2 tersebut ada-lah seperti berikut:

- (a) Lumba Lari Berganti2 4x100 meter antara Penuntut2 Tua Maktab S.O.A.S. dengan Penuntut2 Maktab S.O.A.S. sekarang ini.
 - (b) Lumba Lari Berganti2 4x100 meter antara Penuntut2 Laki2 Sekolah2 Menengah Melayu dan Inggeris.
 - (c) Lumba Lari Berganti2 4x100 meter antara Penuntut2 Perempuan Sekolah2 Menengah Melayu dan Inggeris.
 - (d) Lumba Lari Berganti2 4x400 meter antara Pejabat2 Kerajaan; Persatuan2; Sharikat2 Perniagaan dan sa-bagai-nya.
 - (e) Lumba Lari Satu Batu terbuka kepada orang ramai.
- Permohonan2 untuk mengambil bahagian dalam perlawanan2 tersebut hendak-lah sampai ka-tangan Setia Usaha temasha Sokan, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei Che'gu Awg. Baharum bin Ya'akub sa-belum hari Selasa 4 April, 1967.

Pasokan S. R. J. Sumbiling Mengalahkan Labuan

BANDAR BRUNEI. — Satu Perlawanan Sepak Raga Jaring sa-chara persahabatan di-antara Pasokan Pemuda Sumbiling dengan Pasokan Labuan telah di-adakan pada hari Ahad 26 Mach, 1967.

Dalam perlawanan2 itu, Pasokan Pemuda Sumbiling telah berjaya memenangi ke-empat2 perlawanan. Sunggoh pun Pasokan dari Labuan bermain dengan handal-nya tetapi mereka dapat juga di-tewaskan oleh Pasokan Pemuda Sumbiling.

Keputusan penoh tiap2 perlawanan ada-lah saperti berikut:

Bahagian "A". Dalam pusingan pertama Pasokan Sumbiling telah memenangi dengan hitongan mata 15 - 3 dan dalam pusingan kedua sekali lagi Pasokan Pemuda Sumbiling dapat menewaskan lawan-nya dari Labuan dengan 15 - 4 mata.

Dalam Bahagian "B" pula nampak-nya Pasokan Labuan lebeh berhati2 untuk menchari kemenangan, tetapi mereka dapat juga di-tewaskan oleh Pasokan Pemuda Sumbiling.

Dalam pusingan pertama Pasokan Pemuda Sumbiling telah dapat mengalahkan Pasokan Labuan dengan 15 - 2 mata dan dalam pusingan kedua ini Pasokan Labuan nampak-nya dapat mempertahankan serangan2 dari sudut Pasokan Pemuda Sumbiling, dan hinggakan Pasokan Pemuda Sumbiling tidak dapat mempertahankan serangan2 dari pehak lawan-nya hingga membawakan kekalahan kepada Pasokan Pemuda Sumbiling dengan hitongan mata 15 - 12 mata.

Permainan kemudian-nya menjadikan meriah lagi di-antara kedua2 pasokan untuk menentukan siapakah yang akan mendapat kemenangan dalam pusingan yang terakhir ini, ia-itu pusingan yang ketiga, tetapi oleh sebab beberapa kesilapan oleh pasokan Labuan akhir-nya mereka tewas juga oleh pasokan Pemuda Sumbiling dengan 15 - 8 mata bererti kemenangan dalam pusingan

ketiga ini telah di-menangi oleh Pasokan Pemuda Sumbiling.

Dalam bahagian "C" ini juga pasokan Pemuda Sumbiling telah dapat mengalahkan pasokan dari Labuan dengan 15 - 8 mata juga. Dalam bahagian "D" Pasokan Pemuda Sumbiling telah berjaya sekali lagi membolot kemenangan dari pehak lawan-nya dengan 18 - 17 12 - 15 dan 15 - 9 mata.

Nama2 pemain kedua2 Pasokan ada-lah saperti berikut:

SUMBILING

Bahagian "A": Othman Abd. Hamid, Idris Asmad dan Abd. Halim P.O.K. Indera Dewa Haji Musa.

Bahagian "B": Abd. Latif Md. Zain, Ak. Omar Pg. Ali dan

Abd. Rahim P.O.K. Indera Dewa Haji Musa.

Bahagian "C": Hussin Salleh, Ariffin Abd. Rahman dan Azmain Abdullah.

Bahagian "D": Ismail Bakar. Ak. Amir Bahar Pg. Md. Salleh dan Ibrahim Ahmad.

LABUAN

Bahagian "A": Aziz Mohammad, Zainuddin Wahab dan Yusof Mathir.

Bahagian "B": Samid Kadir, Abd. Rahman Ibrahim dan Adnan Osman.

Bahagian "C": Arsat Suhaili, Ak. Omar Pg. Chuchu dan Abdullah Ibrahim.

Bahagian "D": Abd. Ghani Paijan, Idris Abdullah dan Osman Ibrahim.

MOHAMAD ALI MENANG LAGI

NEW YORK. — Johan Tinju Seluroh Dunia, Bahagian Heavyweight, Cassius Clay yang telah memelok Ugama Islam dan menggunakan nama Mohamad Ali telah sa-kali lagi berjaya memper-tahankan gelaran-nya.

Ia telah mengalahkan Zora Folley di-Madison Square Garden, New York pada malam 22 Mach sa-chara "knock out" dalam pusingan yang ke-tujuh.

Ini-lah kali ke-sembilan Mohamad Ali mempertahankan gelaran Kejohanan Tinju Seluroh Dunia Bahagian Heavyweight itu.



BOLA SEPAK ANTARA SUMBILING DAN LABUAN

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah membanjiri Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu dan Ahad yang lalu untuk menyaksikan dua perlawanan bola sepak yang hebat di-antara Pasokan2 Sumbiling dan Belia Labuan.

Pada petang hari Sabtu yang lalu Pasokan Sumbiling "A"

PASOKAN2 "A" —
Seri 3 - 3

PASOKAN2 "B" —
Sumbiling menang 4 - 2

telah seri — tiga gol berbalas tiga gol — dengan Pasokan Labuan "A".

Pada petang hari Ahad pula, Pasokan Sumbiling "B" telah

berjaya mengalahkan Pasokan Labuan "B" dengan empat gol berbalas dua gol.

Gambar2 ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan2 Bola Sepak tersebut.

Gambar atas — Pasokan2 Sumbiling "A" dan Labuan "A" Gambar bawah — Pasokan2 Sumbiling "B" dan Labuan "B".

SUMBILING BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Dua perlawanan Sepak Raga Jaring sa-chara persahabatan telah di-langsungkan di-Gelanggang Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 26 Mach, 1967 di-antara Pasokan2 Sumbiling dengan Pasokan2 S.M.M.P.

Dalam kedua2 perlawanan tersebut, Pasokan2 Sumbiling 'A' dan 'B' telah mengalahkan Pasokan2 S.M.M.P. 'A' dan 'B'.



Setia Usaha Kerajaan Merasmikan Pembukaan Bangunan Madrasah

(Dari muka 1)

berkat kerjasama Jabatan Hal-Ehwal Ugama dengan Jabatan2 Kemajuan Negara, Jabatan Kerja Raya dan lain2 jabatan.

Menyebut mengenai kegunaan Madrasah itu Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf menekankan bahawa peranan bangunan itu ada-lah besar arti-nya bagi kemajuan perkembangan Ugama Islam di-negeri ini.

Menyebut mengenai perkembangan2 kemajuan, beliau menekankan bahawa walaupun negara Brunei sa-buah negara yang kecil dan menghadapi kekurangan pakar2 dan bahan2 yang penting, namun dapat-lah jua di-laksanakan perkembangan-nya sa-chara besar2an untuk fa'edah2 ra'ayat dan negara.

Ini, tegas beliau, ada-lah dengan ada-nya azam yang kuat dan perasaan chintakan bangsa dan negara di-dalam jiwa pemimpin2 ra'ayat dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Beliau menegaskan bahawa kemajuan yang berjaya dan berfa'edah bukan-lah dengan ramai-nya pemimpin2 yang pandai berchakap dan pintar menarek emosi orang ramai, tetapi tidak bertapak atas pandangan yang jauh dan benar2 memberikan kebahagiaan kepada ra'ayat.

Dalam hubungan ini, tegas beliau, apa yang di-perlukan oleh Brunei dalam melaksanakan rancangan perkembangan dan kemajuan-nya ia-lah ujud-nya keamanan, ketenteraman, persafahaman dan perpaduan antara ra'ayat seluroh-nya.

Beliau juga menyeru Pegawai2 Kerajaan supaya menyedari akan tugas masing2 dan mematuhi pada perintah2 yang telah di-berikan kepada mereka demi untuk kepentingan bangsa, negara dan ugama.


Turut juga memberikan ucapan di-upacara itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Ucapan beliau itu ada-lah meliputi pada peranan Madrasah tersebut dan projek2 pembangunan Hal-Ehwal Ugama.

Beliau menjelaskan bahawa pembenaan Madrasah itu di-taksir memakan belanja hampir2 sembilan ratus ribu ringgit.

Di-akhiri upacara itu, Do'a Selamat telah di-sampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamin.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof kelihatan dalam gambar ini sedang merasmikan pembukaan Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei kelemarin pagi. Berdiri di-belakang beliau ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Y.A.M. Pgn. Muda Dato Paduka Kamaluddin dan Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awg. F. D. Webber.



KURSUS PERTANIAN

KAMPONG KIARONG. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kiarong, Brunei akan menjalani satu Kursus Pertanian sa-lama enam hari mulai pada hari Ahad 2 April, 1967 di-Kampung Kiarong.

Kursus Pertanian tersebut akan di-buka dengan rasmi-nya pada jam 2-00 petang hari Ahad 2 April dan sa-terus-nya

kursus itu akan di-mulakan.

Pada jam 8-00 pagi hari Isnin 10 April, Ahli2 Persatuan Peladang tersebut akan melawat Pusat Pertanian Kilanas sambil meninjau hal ehwal Penternakan dan Perusahaan di-Pusat Pertanian tersebut.

Sokan Sekolah2 Melayu

(Dari muka 6)

Ketiga: Pasokan tiga buah Sekolah sama mata, ia-itu Biang, Amo dan Belingos, mendapat 5 mata.

(vi) Kumpulan Perempuan "B":

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 15 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Kinua, mendapat 10 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Biang, mendapat 5 mata.

(vii) Champoran Mata Kemandangan Kumpulan Laki2 dan Perempuan:

Pertama: Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, mendapat 158 mata.

Kedua: Pasokan Sekolah Melayu Kinua, mendapat 45 mata.

Ketiga: Pasokan Sekolah Melayu Amo, mendapat 38 mata.

Pegawai2 Baru Persatuan G.P.P.S. Tutong

TUTONG. — Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong telah mengadakan Mashuarat Agong-nya kali ketiga pada 24 Mach, 1967.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Persatuan G.P.P.S. Tutong yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut: —

Yang Di-Pertua — Awg. Emran Husain. Naib Yang Di-Pertua — Awg. Metamit bin Iradat. Setia Usaha Agong — Awg. Mohd. Shariff Haji Naweh. Bendahari — Awg. Marsal Lagong.

Pengerusi Tetap — Awg. Suni Haji Idris.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi tersebut akan melantek Ahli2 Jawatan Kuasa Kerja; Jawatan Kuasa Biasa dan Ketua2 Seksi tidak berapa lama lagi.

Setia Usaha Agong baru persatuan tersebut, Awg. Mohd. Shariff Haji Naweh menyeru kepada semua ahli2 persatuan itu supaya memberikan kerjasama yang erat demi menjayakan rancangan2 yang akan di-jalankan oleh persatuan tersebut pada tahun ini.

Segala perhubungan surat menyurat dan sa-bagai-nya yang berkaitan dengan persatuan tersebut hendak-lah di-alamatkan kepada Setia Usaha Agong, Persatuan G.P.P.S. Tutong, Awg. Mohd. Shariff Haji Naweh, d/a Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO

PERTANDINGAN Bintang Radio Brunei Kejohanan Tahun 1967 telah di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu dengan memperolehi kejayaan.

Sa-belum di-langsungkan Pertandingan itu, Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengadakan Pertandingan2 Bintang Radio Peringkat Daerah2 Brunei dan Muara, Belait Tutong dan Temburong.

Ramai penyanyi2 lelaki dan wanita telah mengambil bahagian dalam Pertandingan2 Peringkat Daerah. Penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan2 itu telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei Kejohanan bagi Seluroh Negeri Brunei tahun ini.

Menilek kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam Pertandingan2 Peringkat Daerah boleh-lah di-katakan bahawa banyak juga bakat2 baru telah mengambil bahagian.

Meskipun ada di-antara bakat2 baru itu tidak berjaya di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Kejohanan Bintang Radio, akan tetapi ada-lah di-harapkan bahawa jangan-lah mereka putus asa untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan2 Bintang Radio Brunei Peringkat Daerah pada masa akan datang....Sa-moga dengan mempunyai latehan bersungguh2 dalam seni suara, ada-lah di-harapkan mereka akan memperolehi kejayaan dalam pertandingan itu.

Samenjak Pertandingan Bintang Radio Brunei di-mulai dalam Tahun 1960 hingga tahun 1966, hanya sa-orang sahaja penyanyi telah berjaya menyandang gelaran Johan Negeri Brunei sa-lama dua tahun. Beliau ia-lah Ali Haji Paun dari Daerah Belait. Ali telah menjadi Johan dalam tahun 1960 dan lima tahun kemudian beliau telah sa-kali lagi berhasil menyandang gelaran tersebut.

Dengan selesai-nya di-adakan Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Sa-Negeri Brunei pada tahun ini, sa-orang lagi penyanyi telah berjaya menyandang gelaran tersebut sa-lama dua tahun. Penyanyi itu ia-lah M. S. Bakri dari Daerah Brunei. Beliau mulai menyandang gelaran tersebut pada tahun 1962 dan sa-kali lagi pada tahun ini.

Kapada penyanyi2 yang telah berjaya dalam Pertandingan Bintang Radio Brunei pada tahun ini ada-lah di-ucapkan tahniah dan kepada penyanyi2 yang tidak berjaya ada-lah di-harapkan sa-moga mereka akan berjaya pada masa akan datang.